



PUTRAJAYA HOLDINGS
199501034950 (364152-K)

KENYATAAN TENDER

**TENDER TERBUKA UNTUK KONTRAKTOR-KONTRAKTOR TEMPATAN
BERDAFTAR YANG TIDAK MEMPUNYAI KEPENTINGAN ASING**

**CADANGAN KERJA-KERJA SUB-KONTRAK YANG DINAMAKAN UNTUK
SISTEM BANGUNAN BERINDUSTRI (IBS) BAGI CADANGAN PEMBINAAN
DAN PENYIAPAN 968 UNIT KUARTERS KERAJAAN MERANGKUMI 2 BLOK
PANGSAPURI 29 TINGKAT DAN TEMPAT LETAK KERETA BERTINGKAT 8
TINGKAT DENGAN KEMUDAHAN BERSAMA DI PLOT P19RK8, PRESINT 19,
PUTRAJAYA**

Putrajaya Holdings Sdn. Bhd. menjemput Kontraktor-kontraktor Tempatan yang Berdaftar di Malaysia yang mempunyai pengalaman dan berkelayakan serta tidak mempunyai kepentingan asing (syarikat yang disenaraikan di Bursa Malaysia adalah dikecualikan) dan mempunyai sumber yang mencukupi untuk menyertai tender bagi kerja-kerja seperti yang dinyatakan di atas.

Hanya Kontraktor-kontraktor Berdaftar di Malaysia yang memenuhi kriteria berikut sahaja akan dipertimbangkan:

- **Memiliki Sijil IBS CIDB yang sah.**
- Mempunyai pengalaman yang relevan serta rekod pencapaian yang terbukti dalam melaksanakan kerja-kerja pembinaan **Bangunan Kediaman Bertingkat Tinggi Jenis Pratuang (IBS)** dengan **nilai RM20 juta** atau lebih dalam satu kontrak (**minimum 18 tingkat**) dalam **tempoh sepuluh (10) tahun** yang lalu.
- Usahasama atau Konsortium **TIDAK** dibenarkan.

Kontraktor-kontraktor Malaysia berdaftar yang berminat adalah dijemput menghadiri **Taklimat Tender & Lawatan Tapak** yang akan diadakan seperti berikut :-

Tarikh	Masa	Tempat
6 Oktober 2025 (Isnin)	3.00 petang	Kenyir Ballroom 1 DoubleTree by Hilton Putrajaya Lakeside 2, Jalan P5-5, Presint 5, 62200 Putrajaya Tel: 03-8883 8622 / 03-8883 8866 Emel: tendersecretary03@klcc.com.my

Maklumat Projek yang mengandungi butiran Dokumen Tender akan diedarkan semasa sesi Taklimat Tender.

Kontraktor-kontraktor perlu mengemukakan **Sijil CIDB IBS asal dan salinan yang masih sah laku** yang dikeluarkan oleh **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM) dan Sijil Pendaftaran** yang dikeluarkan oleh **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** pada hari tersebut.

Hanya **dua (2)** orang wakil yang bertaualiah dari setiap syarikat dibenarkan hadir ke sesi Taklimat Tender & Lawatan Tapak ini.

Hanya kontraktor-kontraktor yang telah menghadiri **Taklimat Tender dan Lawatan Tapak** pada tarikh dan masa di atas serta kemudiannya mengesahkan minat untuk menyertai tender selepas Lawatan Tapak atau melalui emel kepada "Setiausaha Tender" ke alamat emel di atas, layak untuk menyertai Tender.

Segala perbelanjaan yang berkaitan dengan penyediaan dan penyerahan Dokumen Tender ini adalah di atas tanggungan kontraktor-kontraktor yang menyertai pelawaan ini.